



MALAYSIA...DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA

Tidak kenal maka tidak cinta. Maka kita perlu mengetahui dan mengenali sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan pejuang-pejuang terdahulu dan kita akan cinta serta menghargai segala yang ada pada hari ini.

Malaysia merupakan sebuah negara yang menarik. Sebuah negara berbilang kaum, berbeza kepercayaan, amalan, pegangan agama dan latar belakang kehidupan. Namun, yang menyatukan adalah sifat kepunyaan sebagai warganegara Malaysia yang cintakan keamanan dan kedamaian.

Merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak; Malaysia dihuni bukan sahaja oleh etnik Melayu, Cina dan India tetapi etnik Iban, Bidayah, Kadazan, Murut, Bajau dan masyarakat orang Asli. Masyarakat beraneka menjadikan Malaysia Negara yang istimewa. Sehingga sering dijadikan contoh kerana ramai tahu bukan sesuatu yang mudah untuk mengekalkan persefahaman tersebut.

Walaupun kemerdekaan diperolehi tanpa pertumpahan darah, namun prosesnya tidak semudah disangka. Kemerdekaan dicapai melalui perbincangan yang matang dan dipersetujui secara bersama-sama.

Di sinilah cinta sebagai seorang warga yang tidak boleh dijual beli; yang tidak boleh diperlekeh jiwanya; yang sentiasa yakin mempunyai tanggungjawab kepada negaranya. Semua ini memerlukan jiwa berkompromi dan matang dalam melihat secara meluas sesuatu perkara. Kita lihat kontrak sosial yang lahir ketika memulakan pergerakan kemerdekaan. Perkara yang berkaitan dengan agama, bahasa, hak istimewa dan institusi Raja-Raja Melayu merupakan persetujuan bersama.

Hormat, bertolak-ansur dan saling memahami adalah nilai yang perlu disemai dan diamalkan oleh semua yang mahu mewarisi rasa cinta kepada negara. Kepercayaan, kesetiaan, keluhuran, kedaulatan dan kesusilaan adalah kata kunci untuk kita menilai rasa cinta kepada negara kerana semuanya termaktub dalam Rukun Negara.

YB. Dato' Haji Mat'Ali bin Hassan
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI



TEMUI KAMI DI :



Perbadanan Perpustakaan
Awam, Negeri Sembilan



"BANGSA MEMBACA
1 MALAYSIA BERJAYA"



www.nslibrary.gov.my

Diterbitkan setiap bulan oleh :
Perbadanan Perpustakaan Awam,
Negeri Sembilan

BUKU TERKINI DI PPANS



Judul : Arahan Perbendaharaan
No. Panggilan : KBM 354.595062 MAC
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 17.50
Penerbit : ILBS
M/S : 180ms




Judul : Kumpulan Cerpen: Tetamu Istimewa
Pengarang : Mohd Helmi Ahmad
No. Panggilan : 899.233010803 MHA
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 20.00
Penerbit : Institut Terjemahan & Buku Malaysia
M/S : 146ms



Judul : Kumpulan Novel: Tujuh Keturunan
Pengarang : Abd Razak Adam
No. Panggilan : MF ARA
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 25.00
Penerbit : Institut Terjemahan
M/S : 252ms



Judul : I Am Malala: The Story of the Girl Who Stood Up for Education and Was Shot by the Taliban
Pengarang : Malala Yousafzai
No. Panggilan : R 954.9122092 YOU
Bahagian : Rujukan
Harga : 59.90
Penerbit : PTS
M/S : 327ms



Judul : Click Millionaires: Work Less, Live More with an Internet Business You Love
Pengarang : Fox, Scott
No. Panggilan : R 6858.872 FOX
Bahagian : Pinjaman (Dewasa)
Harga : 88.00
Penerbit : PTS
M/S : 278ms

SIDANG PENGARANG BULETIN

PENAUNG

Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan
 Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
 Merangkap Pengerusi
 Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus

PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis
 Pengarah
 Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

Norasyikin binti Yusof
 Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail
 Siti Juhaida binti Husin
 Amar Affizi bin Aziz
 Ketua-Ketua Bahagian
 Ketua-Ketua Unit
 Ketua-Ketua Zon

PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

JURUFOTO

Unit Media PPANS

PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam
 Perbadanan Perpustakaan Awam
 Negeri Sembilan Darul Khusus
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308
 Faks : 06-763 5944
 E-Mel : proppans2014@gmail.com
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

 Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini. Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

ULASAN BUKU

Tajuk : Idea Bekal ke Sekolah-Menu Asia

Penulis : Chef Azian Hasan

Penerbit : PTS Millennia Sdn Bhd

Lokasi : Bahagian Pinjaman Dewasa
PPANS

Sinopsis:

Himpunan lebih dari 40 resipi dalam buku Siri Idea Bento ini memberikan idea kepada para pembaca dalam menyediakan bekal sama ada untuk anak, suami mahupun diri sendiri. Setiap resipi dalam buku ini disertakan gambar-gambar cara membuat. Resipi-resipinya juga ringkas, mudah disediakan dan enak. Tidak menggunakan bahan-bahan perasa tambahan, resipi ini sesuai bagi menjaga kesihatan. Selain dari itu, Chef Azian tip-tip berbento bagi ibu-ibu yang sibuk. Penyediaan bahan-bahan lebih awal serta sos-sos yang disediakan terlebih dahulu menjadikan penyediaan bekal bukanlah sesukar yang dijangka. Dapatkan buku ini di pasaran bagi memberi idea dalam penyediaan bekal untuk anak-anak.



GLOSARI ADAT

Akar ribu-ribu

Akar sejenis paku-pakis atau selada (Lygodium Scandens) Yang digunakan untuk mengikat kumpulan daun herba untuk kegunaan merenjis sewaktu menjalankan istiadat menepung tawar atau merenjis air mawar.

Baruh

Bahagian bawah atau selatan. Luak Rembau terbahagi kepada dua iaitu Rembau Baruh dan Rembau Darat.

Ancak

Tempat yang diperbuat daripada buluh dan bahagian sebelah atasnya di belah-belah dan dikembangkan serta dijalin dengan rotan menjadi kembang di atas. Bahagian yang mengembang itu diletakkan sedikit tanah untuk dijadikan tempat bara api. Alat ini kemudian dicacahkan ke dalam tanah.

Benci Talak

Penceralan suami isteri; si isteri membayar tebus talak kepada suami (talak khuluk)

BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



Grup Sayangi Perpustakaan

GSP ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada adik-adik yang beragama Islam dan Salam Kemerdekaan kepada adik-adik semua....

Pada kali ini GSP mendapat jemputan dari Sekolah Serting Ulu Jempol, pada 3 Ogos 2014, seramai 72 orang pelajar dan Sekolah Palong 5 (F) Gemas, Negeri Sembilan pada 21 Ogos 2014, seramai 72 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam aktiviti Program Sayangi Perpustakaan. Guru Besar Cemerlang SK. Palong 5 (F) mengucapkan terima kasih kepada GSP PPANS kerana memberi pendedahan dan juga membuka minda pelajar luar bandar dengan aktiviti menarik yang telah disediakan oleh GSP.

GSP PPANS mengucapkan terima kasih kepada pihak sekolah dan kepada adik-adik jangan lupa mengunjungi perpustakaan yang berdekatan.



INFO TAHUKAH ANDA?

Apa itu Watt dan Volt?

Watt adalah satu istilah yang digunakan untuk menerangkan sesuatu unit tenaga elektrik, dan watt dinisbahkan kepada kadar ketinggian, atau kekuatan tenaga elektrik dan juga kepada ketinggian tenaga yang digunakan untuk sebuah alat elektrik.

Istilah watt diambil daripada nama seorang ahli sains dan juga pereka, James Watt (1736-1819). Watt juga adalah pereka enjin stim yang pertama.

Volt pula ialah unit kuasa elektromotif, atau kuasa tekanan elektrik dan bukan arus elektrik. Sebagai contoh, kuasa tekanan elektrik yang bekalkan ke rumah ialah 240 volt.


Istilah volt diambil daripada nama seorang ahli fizik bangsa Itali Alessandro Vota.



Alessandro Vota



James Watt



BANTUAN BERTERUSAN 'TABUNG GAZA'



Seremban – PPANS telah mengadakan kerjasama dengan pihak Aman Palestin Cawangan Negeri Sembilan bagi membantu mengumpulkan dana kewangan untuk 'Tabung Gaza'.

Tabung-tabung telah diletakkan di 84 buah rangkaian Perpustakaan PPANS dan Perpustakaan Negara Malaysia.

Semua pihak yang ingin turut sama menghulurkan bantuan kewangan boleh datang terus ke perpustakaan yang berhampiran. Sumbangan dari semua pihak di harap dapat membantu saudara seagama di Palestin



BENGGEL LITERASI MAKLUMAT

Bengkel Literasi Maklumat Anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Negeri Sembilan dengan kerjasama Perpustakaan Awam Cawangan Jempol telah diadakan pada 18 Ogos 2014 bertempat di Zon Dewasa Perpustakaan Awam Jempol dengan penyertaan seramai 45 orang Guru Teknologi Pendidikan dari seluruh Negeri Sembilan. Semoga kerjasama diteruskan pada masa akan datang.



AIDIL FITRI MERIAHKAN SUASANA PPANS

25 Ogos 2014 - Kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri warga PPANS diserikan lagi dengan kehadiran YAB. Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan, Y.M. Raja Datin Seri Salbiah bin Tengku Nujumudin, YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengerusi PPANS, YB. Dato' Mohamad Razi bin Haji Kail, Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan, Ahli Dewan Undangan, Ketua-ketua Jabatan dan sahabat-sahabat perpustakaan yang lain.

Di kesempatan tersebut juga, YAB. Dato' Seri turut menyerahkan sumbangan kakitangan PPANS kepada wakil Aman Palestin Cawangan Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Seri kerana sudi hadir dan bergambar kenangan bersama-sama kami.



MH 17 :BACAAN YASIN DAN BERTAFAKUR

22 Ogos, 2014 – Telah diisytiharkan Hari Berkabung Negara. Warga Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan turut menzahir rasa dukacita yang mendalam di atas trajedi yang menimpa pesawat MH 17. Sebagai penghormatan, pihak PPANS telah mengadakan majlis bacaan Yasin dan bertafakur seminit pada hari tersebut. Turut hadir ialah Puan Jamilah binti Haji Katis.



PRIHATIN : TAKZIAH KEPADA KELUARGA ENCIK JAMALUDDIN BIN HARON

Pada 12 Ogos 2014 - Berita sedih dari rakan perpustakaan, En. Jamaluddin bin Haron, Kakitangan PPANS Zon Jempol. Anak beliau telah kembali ke rahmatullah sebaik sahaja dilahirkan.

Pihak PPANS yang diwakili oleh En. Mohd Rizwan, Ketua Bahagian Pengurusan beserta kakitangan meluangkan masa menziarahi dan memberi sumbangan kepada beliau. PPANS merakamkan ucapan takziah kepada beliau dan isteri, semoga roh anaknya dicucuri rahmat... Amin!



PENGAUDITAN DAN PENYELARASAN MPK SERTA FAIL MEJA DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah diberi mandat sebagai penyelaras MPK dan Fail Meja jabatan serta agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Pihak PPANS telah pun mengadakan mesyuarat serta taklimat bagi semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan pada 18 Julai 2014 bertempat di bilik Mesyuarat Teratai, SUKNS.

Bermula 11 Ogos 2014 Pengauditan MPK dan Fail Meja di semua jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dilaksanakan bagi memastikan semua jabatan dan agensi mematuhi Pekeliling Perkhidmatan Tahun 1991. PPANS mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua jabatan dan agensi sepanjang pengauditan di laksanakan.



HARI KEBANGSAAN 31 OGOS 2014

Sambutan Hari Kemerdekaan Kali ke-57 Peringkat Negeri Sembilan 2014 telah diadakan pada 31 Ogos 2014 bertempat di Padang MPS Seremban. PPANS turut menyertai pembarisan sempena sambutan tersebut dengan penyertaan seramai 50 orang kakitangan yang diketuai oleh Encik Mohd Azman bin Idris.



PELANCARAN SAHABAT PERPUSTAKAAN

SAHABAT PERPUSTAKAAN merupakan usaha Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia (MPAM) bagi mendapatkan penyumbang, sukarelawan dan juga perkongsian ilmu bagi membantu menjayakan pembinaan budaya membaca.

SAHABAT PERPUSTAKAAN akan memberi peluang kepada masyarakat untuk turut sama menyumbang tenaga, idea, kepakaran dan kreativiti untuk faedah perpustakaan, pengguna dan masyarakat.

Majlis Pelancaran SAHABAT PERPUSTAKAAN telah diadakan pada 23 Ogos 2014 sempena jamuan raya di Pejabat ADUN Juasseh dan disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Hj Hassan, Menteri Besar Negeri Sembilan. Turut sama dalam majlis ini YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hasan, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan dan Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah PPANS.



"SAYA SAYANG MALAYSIA"

27 Ogos 2014 Perpustakaan Desa Air Hitam telah mengadakan aktiviti bersama komuniti setempat sempena sambutan bulan kemerdekaan. Seramai 68 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan kuiz "Saya Sayang Malaysia".

